# MINDA PKN

MESYUARAT JPKA NEGERI BILANGAN 2/2023



# KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| 01 | LKAN 2021 SIRI 2 | Laporan Ketua Audit Negara 2021 Siri 2 |
| 02 | PINDAAN AP TAHUN 2023 | Pindaan Terkini Arahan Perbendaharaan |
| 03 | PEKELILING PKWNS | Pekeliling PKWNS Terkini Tahun 2023 |
| 04 | PENGURUSAN AA DAN KWA | Tatacara Pengurusan Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah |






# 01



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2021 SIRI 2

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri





"…Pegawai Pengawal juga **bertanggungjawab kepada pengurusan dan kawal selia dalaman mengenai segala Wang Awam yang dipungut, diterima atau dibelanjakan** dan semua Aset Awam yang diterima, disimpan atau dilupuskan oleh atau untuk Kementerian / Jabatan atau perkhidmatan yang baginya maksud anggaran itu diperuntukkan…"

**- Arahan Perbendaharaan (AP) 10**





"Jika berlaku sesuatu **luar aturan**, Pegawai Pengawal sepatutnya **boleh menentukan dengan mudah** pegawai yang bertanggungjawab; jika tidak, **Pegawai Pengawal mungkin perlu menggantikan apa-apa kehilangan**…"

**- AP 11(b)**



# INTIPATI UTAMA LKAN 2021 SIRI 2

**1.**

Pengurusan Tanah Rizab Melayu

**2.**

Pengurusan Pembangunan Hartanah Perumahan

**3.**

Pembelian Bahan Api Dan Aksesori Kenderaan

# PEMBELIAN BAHAN API DAN AKSESORI KENDERAAN

## OBJEKTIF PENGAUDITAN

Menentukan pembelian bahan api dan aksesori kenderaan dilaksanakan dengan teratur selaras dengan **Pekeliling Perbendaharaan PK 4.1 - Pengurusan Kenderaan Jabatan**

## JUMLAH SEMAKAN

Bahan Api:
**RM42,758.00**

Penyelenggaraan:
**RM112,712.00**

## APA SEPATUTNYA

Semakan Dan Pengesahan Pembelian Bahan Api Serta Pembelian Aksesori Kenderaan Selaras Dengan Kelulusan

## APA YANG BERLAKU

**32 Transaksi** Pembelian Bahan Api Yang Tidak Teratur Berjumlah **RM2,043.00**

Pembelian Dan Pemasangan Aksesori Kenderaan Tidak Selaras Kelulusan Berjumlah **RM1,348.00**

# PENEMUAN AUDIT



# RM3,391.00

Pembayaran **TIDAK TERATUR** bahan api dan aksesori kenderaan disebabkan **kelemahan pemantauan dan kawalan dalaman pengurusan**



# SYOR AUDIT

## 1. SEMAK & SAH

Menyemak dan mengesahkan pembelian bahan api dengan penyata sebelum bayaran dilakukan

## 2. KAWAL & PANTAU

Mengawal dan memantau penggunaan kad inden minyak

## 3. PEMERIKSAAN

Setiap penyelenggaraan kenderaan hendaklah dipastikan sempurna sebelum bayaran dilaksanakan

## 4. KELULUSAN

Penyelenggaraan hendaklah dilaksanakan berdasarkan kelulusan yang diperolehi sahaja

# TINDAKAN PKWNS

## TATATERTIB

Mengesyorkan **tindakan tatatertib** terhadap pegawai yang berkenaan selaras Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib)(Negeri Sembilan) 2006

## AMARAN

Mengesyorkan **Surat Amaran** diberikan kepada penyelia kerana kegagalan memantau

## PP PK4.1

Mengesyorkan supaya Jabatan mematuhi **Pekeliling Perbendaharaan PK4.1 – Pengurusan Kenderaan Jabatan**

## PERINGATAN

Mengingatkan Ketua Jabatan supaya mengambil serius isu ini dan **memastikan ia tidak berulang**



# 02



# PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN

Pindaan Terkini Arahan Perbendaharaan (AP) Tahun 2023

# TUJUAN PINDAAN

1. Memperkemas dan memantapkan peraturan sedia ada
2. Menjajarkan pengurusan kewangan dengan Dasar Pendigitalan Sektor Awam
3. Memperkasakan tanggungjawab pegawai awam
4. Pengurusan perakaunan Kerajaan seiring dengan sistem perakaunan semasa

# PERBEZAAN AP LAMA DAN BAHARU




**LAMA**

189 muka surat




**BAHARU**

154 muka surat

Melibatkan **192** penambahbaikan / pindaan ayat / pinda tajuk / wujud baharu / pemansuhan

# ANTARA PERUBAHAN NO. AP

| TAJUK AP | NO. AP LAMA | NO. AP BAHARU |
|---|---|---|
| Tanggungjawab Pegawai Perakaunan | AP 163 | AP 150G |
| Kajian Pasaran | AP 169.1 | AP 169 |
| Perolehan Darurat | AP 173.2 | AP 169A |
| Deposit Tender | AP 175 | AP 169B |
| Kontrak Perolehan | AP 176 | AP 169D |
| Pesanan Kerajaan | AP 176.1(d) | AP 169D(d) |

# ANTARA PERUBAHAN NO. AP

| TAJUK AP | NO. AP LAMA | NO. AP BAHARU |
|---|---|---|
| Bon Pelaksanaan Bagi Kontrak Bekalan Dan Perkhidmatan | AP 176.2 (a, b, c) | AP 169F (a, b, c) |
| Pembayaran Bagi Pesanan Kerajaan | AP 177 | AP 190C |
| Kontrak Pusat Dan Kontrak Panel Berpusat | AP 178.1 (a, b) | AP 169K (a, b) |
| Menandatangani Kontrak | AP 200.1 | AP 169E |
| Arahan Perubahan Kerja | AP 202 | AP 184D |
| Tatacara Pengurusan Stor | AP 237 – AP 285 | Rujuk Pekeliling Perbendaharaan Yang Berkuatkuasa |

# TINDAKAN PEGAWAI PENGAWAL

## PEKA

Pegawai Pengawal perlu peka dengan pindaan AP dan mengingatkan pegawai di bawah seliaan untuk meneliti AP terkini sebelum sebarang tugas kewangan dilaksanakan

## FAHAM

Pegawai Pengawal hendaklah memahami pindaan AP yang telah dilaksanakan seterusnya melaksanakan pengurusan kewangan berdasarkan pindaan AP terkini

## PENAMBAHBAIKAN

Pegawai Pengawal hendaklah memastikan penambahbaikan proses kerja dilaksanakan serta merta. Sebarang permohonan kepada PKWNS perlulah berdasarkan AP baharu yang berkuatkuasa



# 03



# PEKELILING PKWNS TAHUN 2023

Pekeliling Terkini PKWNS Tahun 2023

# PEKELILING PKWNS TAHUN 2023

1. **Bil. 2/2023** – Garis Panduan Perbelanjaan Makanan Dan Minuman Bagi Keraian Rasmi, Mesyuarat Dan Latihan Anjuran Jabatan Kerajaan Negeri Sembilan
2. **Bil. 3/2023** – Peraturan Mengenai Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih Bagi Jabatan Kerajaan Negeri Sembilan
3. **Bil. 4/2023** – Peraturan Dan Kadar Bekalan Pakaian Seragam Bagi Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Sembilan
4. **Bil. 5/2023** – Tatacara Pengurusan Bayaran Melalui Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a)
5. **Bil. 6/2023** – Tatacara Dan Peraturan Mengenai Pengurusan Pendahuluan Pelbagai
6. **Bil. 7/2023** – Peraturan Dan Prosedur Pengurusan Pendahuluan Diri Bagi Bayaran Elaun Sewa Hotel Dan Elaun Makan
7. **Bil. 8/2023** – Tatacara Dan Peraturan Mengenai Pengurusan Pendahuluan Diri Di Bawah AP 59, AP 322 dan AP 327(b)

# PEKELILING PKWNS BIL. 3/2023

Peraturan Mengenai Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih Bagi Jabatan Kerajaan Negeri Sembilan

| PEGAWAI | KADAR BANTUAN PEMBELIAN (LAMA) PPKWNS BIL. 4/2009 | KADAR BANTUAN PEMBELIAN (BAHARU) PPKWNS BIL. 3/2023 |
|---|---|---|
| Turus III dan ke atas / setaraf | RM2,500.00 | RM2,500.00 |
| Gred Utama/Khas C hingga A dan setaraf | RM2,000.00 | RM2,000.00 |
| Gred 54 (Ketua Jabatan / Bahagian) | RM1,000.00 | RM1,000.00 |
| Gred 52 - 53 (Ketua Jabatan / Bahagian / Unit) | RM1,000.00 | RM750.00 |
| Gred 48 (Ketua Jabatan / Bahagian / Unit) | RM750.00 | RM750.00 |
| Gred 41 – 44 (Ketua Bahagian / Unit / ADO) | RM750.00 | **TIADA** |
| Juruiring / Pengiring Rapat / Pengawal Peribadi / Pemandu Kereta Rasmi Jawatan | **TIADA** | RM375.00 |

# PEKELILING PKWNS BIL. 3/2023

Peraturan Mengenai Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih Bagi Jabatan Kerajaan Negeri Sembilan

| PEGAWAI | HAD CAJ BULANAN (LAMA) PPKWNS BIL. 4/2009 | HAD CAJ BULANAN (BAHARU) PPKWNS BIL. 3/2023 |
|---|---|---|
| Turus III dan ke atas / setaraf | RM500.00 | RM500.00 |
| Gred Utama/Khas C hingga A dan setaraf | RM350.00 | RM350.00 |
| Gred 54 (Ketua Jabatan / Bahagian) | RM200.00 | RM200.00 |
| Gred 52 - 53 (Ketua Jabatan / Bahagian / Unit) | RM150.00 | RM120.00 |
| Gred 48 (Ketua Jabatan / Bahagian / Unit) | RM120.00 | RM120.00 |
| Gred 41 – 44 (Ketua Bahagian / Unit / ADO) | RM100.00 | **TIADA** |
| Juruiring / Pengiring Rapat / Pengawal Peribadi / Pemandu Kereta Rasmi Jawatan | RM50.00 | RM50.00 |

# JUSTIFIKASI PINDAAN PEKELILING

## Menyelaras Pengurusan Perbelanjaan

- Kawalan perbelanjaan terhadap kemudahan individu/pegawai
- Penambahbaikan bagi kadar jamuan makan/minum dan pakaian seragam yang memberikan manfaat kepada lebih ramai pegawai

## Mengurangkan Risiko Ketirisan

- Kemudahan diberikan kepada pegawai yang benar-benar layak sahaja
- Terdapat pegawai yang menyalahgunakan kemudahan – membuat tuntutan bayaran caj bulanan termasuk untuk ahli keluarga (*family package*)

# JUSTIFIKASI PINDAAN PEKELILING

## PERBANDINGAN PAKEJ HARGA TELCO






# JUSTIFIKASI PINDAAN PEKELILING

## PERBANDINGAN PAKEJ HARGA TELCO







Penurunan kadar had caj bulanan bagi pegawai gred tertentu tidak seharusnya menjadi isu kerana terdapat pelbagai pilihan perkhidmatan telekomunikasi yang menawarkan harga yang lebih rendah daripada kadar yang ditetapkan serta memenuhi keperluan pegawai



# 04



# TATACARA PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULAN WANG AMANAH





"Pegawai Pengawal bagi suatu Maksud Perbelanjaan atau suatu Akaun Amanah adalah bertanggungjawab atas semua perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan Maksud Perbelanjaan atau Akaun Amanah itu"

**- AP 92(a)(i)**



# TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

Memastikan pengurusan Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah yang teratur dan berkesan kerana:

- Bagi menambahbaik pengurusan lebih 30 Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah di bawah Seksyen 9 dan 10, Akta Tatacara Kewangan 1957
- Bagi memastikan pematuhan AP 151(a) , 152(a) serta **Pekeliling Perbendaharaan WP 10.4 – Tatacara Pengurusan Akaun Amanah / Kumpulan Wang Amanah**
- Merupakan salah satu kriteria pengauditan bagi Penyata Kewangan Negeri

# AKAUN AMANAH



**Sekyen 9**, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]

Kuasa penubuhan: **Pegawai Kewangan Negeri**



**Sumber:** Untuk mengakaunkan apa-apa sumbangan/caruman wang boleh juga diterima daripada **orang perseorangan, Kerajaan Negara Luar dan/atau badan-badan antarabangsa atau tempatan** yang tidak dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia/Negeri yang diamanahkan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu.



Ditadbir melalui **Arahan Amanah** yang dikeluarkan sebagai garis panduan kepada Pegawai Pengawal dalam mengendali dan menguruskan sesuatu AA berkaitan.

Contoh: Akaun Amanah Dana Pusingan *(Revolving Fund JKR)*

Rujukan:
Arahan Perbendaharaan (AP) 151(a) dan AP 152(a)
Pekeliling Perbendaharaan WP 10.4 – Tatacara Pengurusan Akaun Amanah / Kumpulan Wang Amanah

# KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN

**Seksyen 10**, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]

Kuasa Penubuhan: **Dewan Undangan Negeri (DUN)**

**Sumber:** Untuk mengakaunkan terimaan yang diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Disatukan. Walau bagaimanapun, apa-apa sumbangan/caruman wang boleh juga diterima **daripada orang perseorangan, Kerajaan Negara Luar dan/atau badan-badan antarabangsa atau tempatan** yang tidak dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia/ Negeri bagi tujuan tertentu yang diamanahkan kepada Kerajaan untuk KWA tersebut.

Ditadbir melalui **Surat Ikatan Amanah** yang dikeluarkan sebagai garis panduan kepada Pegawai Pengawal dalam mengendali dan menguruskan sesuatu KWAK berkaitan

Contoh: Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya (MARRIS)

Rujukan:
Arahan Perbendaharaan (AP) 151(a) dan AP 152(a)
Pekeliling Perbendaharaan WP 10.4 – Tatacara Pengurusan Akaun Amanah / Kumpulan Wang Amanah



# WAY FORWARD




Tindakan akan dilaksanakan bagi menyelaras Akaun Amanah terutamanya Akaun Amanah Keluarga Miskin Daerah supaya ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957.








# TERIMA KASIH

